

# KDN larang cetak al-Quran tanpa teks bahasa Arab

Berita Haluan - 2/3/2016 (m/22)

**» Naskhah diimport tanpa kelulusan guna huruf rumi tulis ayat suci**

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ementerian Dalam Negeri (KDN) melarang sebarang pencetakan dan penjualan naskhah terjemahan al-Quran tanpa teks bahasa Arab.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata perkara itu diputuskan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran (LPPPQ) yang dipengeruskannya di Putrajaya dekat sini, semalam.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata perkara itu selaras dengan keputusan Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Ke-24 pada Jun 1989, yang memutuskan bahawa 'adalah haram ditulis atau digunakan mana-mana bahagian daripada al-Quran dengan tulisan yang bukan huruf Arab atau bukan sistem tulisan al-Quran'.

Katanya, langkah berkenaan perlu kerana LPPPQ mengesan penjualan naskhah al-Quran yang diimport tanpa kelulusan KDN yang dijual secara meluas di pasaran, termasuk menerusi internet.

"Antara kesalahan yang dikesan pada al-Quran yang diimport ialah menggunakan tulisan rumi dalam penulisan ayat al-Quran dan terjemahan al-Quran tanpa teks bahasa Arab.

"Bagi memastikan teks al-Quran yang dibaca adalah tepat dan tidak mengandungi kesalahan, masyarakat umum

adalah dinasihatkan untuk berhati-hati atau mendapatkan naskhah al-Quran dengan memastikan ia diperakui oleh LPPPQ," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

## Semak cetakan hadis

Timbalan Perdana Menteri berkata, KDN juga akan menubuhkan Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Hadis bagi menapis dan menyemak hadis demi menjaga kesahihannya.

**“Antara kesalahan yang dikesan pada al-Quran yang diimport ialah menggunakan tulisan rumi dalam penulisan ayat al-Quran dan terjemahan al-Quran tanpa teks bahasa Arab”**

Ahmad Zahid Hamidi,  
Timbalan Perdana Menteri

Beliau berkata mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Disember lalu memutuskan supaya fungsi penapisan dan penyemakan hadis dilaksanakan melalui Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Hadis.

Katanya dua garis panduan sedang disiapkan bagi melaksanakan fungsi kawalan hadis iaitu Garis Panduan Penerbitan Teks Hadis dan Garis Panduan Penyemakan dan Penilaian Hadis oleh Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Hadis.

"Pengawalan hadis oleh KDN bertujuan menjaga kesahihan teks hadis, sekali gus mengawal penyebaran hadis-hadis palsu dalam masyarakat, khususnya melalui penerbitan.

"Pengawalan dan penyemakan hadis akan dibuat terhadap penerbitan termasuk kitab hadis dan buku agama bagi mengawal penerbitan terutama yang boleh membawa penyelewengan akidah, menjejaskan keharmonian dan ketenteraman awam serta perpaduan negara," katanya.